

11/06/1999

Gaji guru SPA naik automatik

Rokaid Chik

GURU bukan siswazah berkelulusan Sijil Perguruan Asas (SPA) di seluruh negara akan mendapat kenaikan gaji secara automatik di bawah skim pelarasan gaji baru Gred DGA6 tanpa memasuki semula maktab perguruan atau mengikuti kursus jangka pendek dan jangka panjang.

Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata jaminan itu diberi kepada kumpulan guru berkenaan kerana kerajaan mengambil kira sumbangan besar mereka dalam pembangunan dan kemajuan pendidikan di negara ini.

"Adalah tidak munasabah mereka diwajibkan memasuki semula maktab perguruan untuk mendapat taraf gaji baru itu. Kerajaan mengambil kira khidmat mereka mencurahkan bakti dan sanggup mendidik anak bangsa.

"Oleh itu, kerajaan memutuskan mereka tidak perlu lagi memasuki semula maktab perguruan untuk mendapat gaji baru di bawah Gred DGA6. Cukup tiga tahun sahaja pengalaman mereka, kita akan memasukkan mereka kepada gaji matrik atau gaji DGA6.

"Apabila kita dapat mengangkat darjat profesion kaum guru daripada sijil kepada diploma, maka gaji guru juga turut meningkat kepada tahap yang lebih tinggi.

"Saya juga ingin memberitahu kepada semua guru, bukan sahaja mereka yang baru lulus DPM mendapat gaji baru kepada satu lonjakan besar tetapi guru lain juga akan turut sama dinaikkan," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Perasmian Sambutan Perayaan Hari Guru Peringkat Negeri Kelantan di Kompleks Kamil, Kota Bharu, semalam.

Hadir sama pada majlis itu ialah Pengarah Jabatan Pendidikan Kelantan (JPK) Muhamed Hassan; Ahli Dewan Undangan Negeri Semerak yang juga Ketua Umno Bahagian Pasir Puteh, Kamaruddin Mohd Noor.

Katanya, di bawah skim pelarasan gaji baru Gred DGA6 itu, kira-kira 190,000 guru terbabit di seluruh negara akan dapat menikmati gaji yang sama dengan lulusan DPM iaitu sebanyak RM917 dan maksimum RM1,930 lebih tinggi berbanding gred lama DG6 iaitu RM552 dan maksimum RM1,835, mulai 1 Julai ini.

Menurutnya, Kementerian Pendidikan dari semasa ke semasa akan terus memberi keutamaan dalam agenda membangunkan profesion perguruan khususnya dalam aspek kebajikan.

"Kita menyatakan perkara ini dan kerajaan di bawah pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang berjaya menangani krisis ekonomi besar yang melanda negara kita.

"Tanpa ketegasan dan kecekapan pimpinan negara kita mengemudikan dasar negara dengan begitu tegas, maka tidak mungkin kita dapat menambah peruntukan dalam bidang pendidikan dan melaksanakan perubahan-perubahan dalam usaha meninggikan martabat kaum guru," katanya.

Sehubungan itu, katanya, kaum guru di seluruh negara seharusnya bersama kerajaan dalam mengharungi alaf baru pada masa akan datang bagi menentukan kegemilangan bangsa dan negara.

"Saya percaya kita akan dapat berkongsi bersama bagi meniupkan semangat perjuangan dan saya berharap tidak seharusnya ada lompang di antara kerajaan dan kaum guru," katanya.

Najib berkata, sebelum kemerdekaan, kaum guru adalah pihak yang berada di barisan hadapan dalam usaha menuntut kemerdekaan serta menghalau penjajah.

"Oleh itu, saya mengajak kaum guru untuk terus bersama dengan kerajaan

untuk mengharungi cabaran baru dalam usaha menentukan kegemilangan bangsa dan negara. Kalau kaum guru terus bersemangat sebagai seorang pendidik yang komited, maka tiada apa yang tidak dapat dicapai," katanya.

(END)